



Orang Semenda, Disuruh Pergi Dipanggil Datang

Seperti yang diperkatakan Tengku Besar Tampin, YM Tengku Syed Idrus bin Tengku Syed Mohammad kepada Sdr. A. Ghafar Abdullah.

DALAM aturan adat seorang itu dikulitkan, bukan dibajukan. Maknanya, selagi ada kulit, adat itu lekatlah pada tubuh seorang yang terlantik. Tapi dalam politik, orang seperti pakai baju. Cukup tempoh, pemimpin bertukar, macam bertukar baju lain. Adat tidak bolehlah dicampuri politik sebab yang dilantik menjadi pemimpin adat adalah kekal, selagi dia ada hayat. Pemimpin itu termasuklah Undang, Tengku Besar, Lembaga dan Buapak. Kepintaran anak-anak buahnya digalakkan oleh adat. Kata adat: Kalau cerdik dibawa berunding, kalau bodoh suruh diarah, kalau peka bakar meriam, kalau buta menumbuk lesung, kalau si patah menjaga jemuran. Semua anggota anak buah ada gunanya dari segi adat. Tidak ada perbezaan. Dalam politik, pemimpin itu seperti baju. Bila tempoh tiga tahun atau lima tahun tamat, lucutlah baju itu.

Politik dan adat boleh bekerjasama. Ketua Adat boleh menyuarakan atau memberi nasihat kepada anak buahnya supaya mematuhi kerajaan. Adat itu tidak memecahbelahkan. Sebabnya, pepatah adat ada menyatakan: Kalau ke bukit sama didaki, hati kuman sama dicicah, hati gajah sama dilapah. Saya perhatikan juga adat dengan politik sesuai berdampingan.

Dari dahulu lagi adat itu ialah politik — politik bagi anak buah. Tinggal lagi ia tidak dibesar-besarkan.

Misalnya, kita nak buat nikah kahwin. Kita mesti adakan perkampungan dahulu. Adat yang menyuruh. Kalau tidak ada perkampungan tentulah tidak ada muafakat. Demikian juga kerajaan, ia menggalakkan gotong-royong supaya dalam masyarakat terdapat muafakat. Pada mulanya orang adat yang menyuruh, bukan orang politik. Kita gotong-royong, seraya menyeraya. Itulah kerja adat. Tidak ada perbezaan. Inilah cara demokrasi yang paling baik, peninggalan nenek moyang kita. Cuma dulunya tidak ada sekolah, persuratan, maka segala peraturan adat itu disiratkan saja.

Sekarang pihak kerajaan meminta Datuk-Datuk Undang dan Tengku Besar Tampin menyiapkan Perlembagaan yang di dalamnya disebutkan hal perantaraan tugas dan kedudukan masing-masing.

Selagi orang politik tidak mencerca adat, dan orang adat tidak mencerca politik selagi itulah adat akan berjalan dengan licin. Tujuannya semata-mata untuk kebaikan masyarakat. Misalnya, kita kembali kepada masalah nikah kahwin. Kita berkumpul, kita

bermuafakat. Kalau ada perselisihan, kita cuba selesaikan. Tidak kira apakah seseorang itu pemimpin politik, ketua UMNO atau wakil rakyat kawasan itu. Terpaksalah dia mengikut. Dia tidak bolehlah jadi, bak kata orang, keras bak batu, tinggi bak langit. Orang kampung tak mahu itu. Perlu kita ikut kata perbilangan: Bulat Air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.

Seperkara lagi, katakanlah ada pendatang yang menetap di sebuah kampung. Dia orang luar dan tidak bersuku. Misalnya, orang Jawa dari Muar. Kami, bagi pihak orang yang beradat, perlu membela-nya, cuba menyelesaikan masalahnya, terutama dalam perkara nikah kahwin. Kita lantik Tua Dagang, semacam buapaklah. Dengan itu, masalah nikah kahwin, sakit pening dan hidup matinya kita selesaikan. Dari segi hidup bermasyarakat, itu kan bagus. Orang-orang begini tidak merupakan masalah. Mereka mengikut saja, ibarat masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak. Jika ada masalah dia datang mengadu, ibarat kapal yang terapung-apung, yang akhirnya mesti cari tambatan.

**Datuk Mokhtar Hashim pun
memandang saya macam boss
di Tampin ini, sungguhpun
dia Menteri dan Ahli Parlimen.
Itu dari sudut adat. Kaulah
saya masuk politik, saya pula
lihat mereka macam boss.
Saya yang di bawah.**

Kita lihat pecahan adat. Adat terlibat dalam masalah tanah pusaka, nikah kahwin dan agama. Dalam hal agama, Gemenceh tertakluk di bawah Kadi Tampin. Untuk masalah adat yang lain orang Gemenceh berunding ke Johol. Orang Gemenceh membawa masalahnya ke Balai Undang Johol. Datuk Undang Johollah yang menyelesaikannya. Katakanlah juga dalam masalah perasmian balai polis di Gemenceh. Ini urusan kerajaan, tidak ada kena-mengena dengan politik. Datuk Undang di jemput, maka Datuk Undang merasmikannya. Dan juga ia tak ada kena-mengena dengan saya, tak ada kena-mengena dengan Datuk Mokhtar, tak kena-mengena dengan arwah Datuk Taha. Kalaupun saya dijemput hadir, yang merasmikan tetap Datuk Undang. Tetapi katakanlah pula ada upacara perasmian di Tampin. Yang ini kewajiban saya; dia orang boleh jemput Datuk Johol. Datuk Johol boleh sama-sama hadir, tetapi yang merasmikan saya. Inilah kata orang, wujudnya semangat tola ansur atau *give and take*. Kalau datang soal adat, politik masuk campur, peranglah jawabnya. Memang perang. Dan dalam hal politik, adat nak masuk, susahlah.

KALAU terjadi pergaduhan, tengok-tengoklah puncanya. Jika yang terlibat wakil rakyat tetapi dia anak buah dalam suku Biduanda, maka boleh diselesaikan secara adat secara kecil-kecilan oleh ketua buapaknyanya. Itu lebih baik. Kalau besar masalahnya, minta nasihat Datuk Lembaga, atau Undang atau Tengku Besar. Kalau puncanya adat, tidak kenalah, kalau dia kata, saya wakil rakyat, saya ADUN. Dia terpaksa kendurilah sedikit. Dia mesti lupakan status politiknya. Mesti *give way* politiknya kepada orang adat. Kalau tidak susahlah kita. Kita ambil contoh, Allahyarham Datuk Malik, bekas Gabenor Melaka. Dia menyemenda di tempat orang. Dia tidak melihat dirinya sebagai Gabenor. Dia ikut seperti halnya orang semenda: Disuruh pergi, dipanggil datang. Cerdik kita lawan berunding, bodoh kita suruh arah. Demikianlah orang yang tinggal di Negeri Sembilan, dibesarkan di sini, kalau balik ke kampung, kedudukannya di pejabat tak dibawa pulang. Apa-apa masalah adat diselesaikan oleh Datuk Penghulu Adat.

Kemudian, kalau seseorang itu merupakan tokoh adat, dia berhenti dari menjadi orang politik. Ambil contoh, seorang itu cergas dalam UMNO. Tiba masanya dia dilantik menjadi Undang Johol, misalnya. Dia terpaksalah melepaskan peranan politiknya. Kedua-dua bidang ini tidak boleh dicampurbaurkan. Undang pun tak boleh memainkan peranan dalam politik. Undang itu adalah *ruler*.

Baru-baru ini, kita lantik Penghulu Pusaka Repah. Beliau ini terpaksa melepaskan jawatannya sebagai Ketua UMNO Cawangan Repah. Saya memberi nasihat agar dia menjadi ahli biasa UMNO saja. Di peringkat atasan, lebih susah lagi. Saya dianggap boss di sini. Pegawai Daerah melihat saya seperti orang kanannya. Datuk Mokhtar Hashim pun memandang saya macam boss di Tampin ini, sungguhpun dia Menteri dan Ahli Parlimen. Itu dari sudut adat. Kaulah saya masuk politik, saya pula lihat mereka macam boss. Saya yang di bawah.

Pun satu hari, saya menyoal kenapa Wakil Rakyat Tampin, seperti arwahnya Datuk Taha Talib dikenali sebagai Wakil Rakyat Gemenceh, dan tidak dipanggil Wakil Rakyat Tampin. Saya muskil jugalah, tambahan pula arwahnya Datuk Taha cuba-cuba nak mengalihkan ibu daerah Tampin dari Bandar Tampin ke Gemenceh. Fikir saya, patutlah dia tak hendak pakai nama Wakil Rakyat Tampin, tapi Wakil Rakyat Gemenceh. Dan pernah juga saya terasa Tampin seperti dianaktirikan. Perasaan itu tidak timbul lagi sekarang sebab Datuk Mokhtar Hashim adalah Wakil Tampin di Parlimen, yang termasuk di dalamnya, Gemenceh, Gemas dan sebahagian Rembau hingga ke Gadong, Kota. Jadi ADUN untuk Tampin terdiri daripada Wakil Rakyat Kota, Wakil Rakyat Gemas dan Wakil Rakyat Gemenceh. Ahli Parlimen untuk Tampin dinamakan Wakil Rakyat Tampin. Tidak timbul kekeliruan lagi.

(Dalam pertemuan ini Tengku Besar Tampin didampingi oleh Datuk Penghulu Pusaka Repah, Datuk Arshad bin Pondot dan Datuk Penghulu Pusaka Tampin Tengah, Datuk Mohd Ujang bin Mahmud) □